

**Sokong BN Untuk Terus Maju, Pembangkang Hanya Timbulkan Huru-hara, Kata Shafie Bernama
18 Mei, 2012**

JULAU (Sarawak), 18 Mei (Bernama) -- Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal sekali lagi mengingatkan rakyat bahawa sekiranya mereka mengundi Barisan Nasional (BN), maka mereka sebenarnya memilih pembangunan dan kemajuan berterusan.

Beliau berkata pembangkang hanya mampu menimbulkan huru-hara dan kemusnahan melalui tindak-tanduk mereka yang tidak senonoh, termasuk mengadakan demonstrasi jalanan.

"Oleh itu, amat penting bagi rakyat membezakan antara kedua-duanya, bukan saja dengan mendengar cerita tentang mereka, tapi lebih penting melihat tingkah-laku mereka.

"Perdana Menteri kita, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga pemimpin BN, adalah seorang yang bijak dan mempunyai idea bernas.

"Marilah kita berikan beliau masa untuk mengubah negara ini menjadi yang lebih baik," katanya pada majlis bersama rakyat di rumah panjang Rh.Edward Engu di Lubok Mengilas, dekat sini.

Pada majlis itu, Shafie menyempurnakan acara pecah tanah bagi pembinaan Jalan Nanga Entabai/Rantau Limau sepanjang 36km berharga RM40 juta.

Beliau juga mengumumkan bahawa kerajaan meluluskan peruntukan RM43 juta untuk membina Jalan Nanga Entabai-Engkamop sepanjang 15km dan RM5.5 juta untuk membantu rakyat membina rumah panjang baharu atau memperbaiki rumah panjang sedia ada.

Katanya oleh kerana pilihan raya umum sudah hampir, pembangkang akan menjanjikan bulan, bintang dan apa saja untuk memancing undi mereka.

"Tolaklah mereka kerana mereka hanya mampu memungkiri janji dan akan hanya menimbulkan huru-hara serta kemusnahan," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Shafie memberi jaminan kepada penduduk luar bandar di negeri itui bahawa kerajaan akan berusaha dengan sedaya upaya untuk membantu mereka menikmati bekalan air bersih dan tenaga elektrik.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667209>